

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[MASJID TANAH]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Mas Ermieyati Binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan pelan tindakan yang disediakan bagi  
memastikan tahap aksesibiliti kepada kemudahan persekitaran dan  
alam sejagat yang mesra OKU dipertingkatkan demi kesejahteraan  
OKU.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kesejahteraan dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) sentiasa mendapat perhatian Kerajaan dan ia merupakan usaha yang berterusan bagi mengintegrasikan golongan OKU dalam masyarakat. Sehubungan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah menggubal Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008 bagi memperuntukkan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Selaras dengan pengubalan akta, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya ("Majlis") telah diwujudkan di bawah Seksyen 3, Akta Orang Kurang Upaya 2008 bagi memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan dasar-dasar dan pelan tindakan berkaitan OKU oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan lain-lain penyedia perkhidmatan. Majlis ini juga berfungsi sebagai platform bagi merancang pelbagai program dan aktiviti dalam usaha memastikan golongan OKU di negara ini menikmati kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Bagi membantu Majlis melaksanakan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan, Majlis telah menubuhkan 6 buah jawatankuasa antaranya **Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina** khusus dalam memastikan tahap aksesibiliti kepada kemudahan persekitaran dan alam sejagat yang mesra OKU.

Ahli Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina adalah terdiri daripada para profesional seperti arkitek, jurutera, ahli akademik, wakil pihak berkuasa tempatan (PBT), wakil Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta agensi lain yang berkaitan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu aksesabiliti bagi golongan OKU di negara ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Majlis telah melantik Profesor Dr. Ruzita Mohd. Amin (Ahli Majlis Kebangsaan OKU) sebagai Pengerusi Bersama. Penubuhan jawatankuasa ini adalah sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 26 Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang memperuntukkan akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan juga telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan OKU pada 21 November 2007. Dasar ini menggariskan pelbagai strategi yang terbahagi kepada 15 bidang di mana salah satu daripadanya adalah aksesibiliti. Antara strategi utama yang telah digariskan di bawah bidang aksesibiliti tersebut adalah memastikan penyediaan persekitaran bebas halangan (*barrier-free*) termasuk kemudahan di dalam dan luar bangunan, tempat kerja, kawasan perumahan serta ruang awam.

Di bawah strategi ini, antara program yang telah ditetapkan adalah menjalankan audit akses ke atas kemudahan di dalam dan luar bangunan, kawasan perumahan serta ruang awam dan seterusnya melaksanakan tindakan susulan ke atas dapatan / hasil audit berkenaan. Dalam hal ini, pasukan audit akses di bawah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina telah ditubuhkan bagi melaksanakan pengauditan terhadap tahap aksesibiliti sesebuah bangunan / kawasan awam seperti di terminal pengangkutan awam, bangunan Kerajaan dan kawasan taman awam.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU dengan bercirikan konsep reka bentuk sejagat bagi meningkatkan mobiliti dan akses golongan OKU. Dalam hal ini, pelbagai dasar, perundangan, piawaian dan garis panduan telah disediakan oleh Kerajaan mengenai keperluan penyediaan kemudahan dan persekitaran mesra OKU.

Di samping itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 September 2011 telah meluluskan cadangan KPWKM supaya semua pihak berkuasa tempatan (PBT) melantik wakil OKU sebagai ahli kepada jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan di setiap PBT dan menubuhkan Unit Audit Akses di setiap PBT. Inisiatif ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan aksesibiliti golongan OKU agar keadilan sosial secara inklusif kepada semua strata masyarakat dapat dicapai.

Kejayaan pelaksanaan Pelan Tindakan OKU adalah bergantung kepada penglibatan multi-sektor pelbagai pihak meliputi kementerian / jabatan Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta, ahli akademik dan masyarakat keseluruhannya.